

# PEMBENTUKAN INDIAN NATIONAL ARMY DAN PERJUANGANNYA SEMASA PENDUDUKAN JEPUN, 1941-45

Shanthiah Rajagopal<sup>1</sup>

## Abstract

The Indian National Army (INA) formed in Malaya under the sponsorship of the Japanese during the Second World War to free India from British colonial rule was an interesting and unusual development in terms of the growth of nationalism in Southeast Asia. The formation of the INA as an armed wing of the Indian Independence League (IIL) received considerable support from the Indian community in Malaya and was led by men who had served in the British army and who had now found a new calling. Inspired by the Indian nationalist leader Subash Chandra Bose, the army quickly grew in size and developed into a significant fighting outfit within a short period and soon saw action. This article examines the formation of the INA and analyses the circumstances behind its formation and its internal developments relating to its leadership. The article also considers the activities of the INA in Malaya and its campaign in Burma with the Japanese army in an effort to free India from British control. The article shows that the inherent anti-colonial feelings and the aim of freeing India from colonial rule inspired considerably the men to take up arms for the INA and make personal sacrifices. The evidence indicates that the INA also sought to remain independent of Japanese control despite fighting together in the Burma campaign.

**Keywords:** Indian National Army, Malaya, Indian nationalism, Japanese Occupation

## Pengenalan

Pendudukan Jepun merupakan suatu peristiwa penting dalam sejarah Malaysia yang memperlihatkan kemunculan pelbagai gerakan nasionalisme di negara ini. Pemerintahan tentera Jepun telah berlangsung selama tiga tahun setengah, iaitu dari 15 Februari 1942 hingga 12 September 1945. Jepun telah memainkan peranan penting dalam penubuhan Indian National Army (INA) di Tanah Melayu yang merupakan sayap ketenteraan Indian Independence League (IIL) yang memperjuangkan kemerdekaan India dari penjajahan British.<sup>2</sup> Jepun telah menggunakan propaganda untuk mempengaruhi masyarakat tempatan dengan slogan-slogan seperti 'Asia untuk Orang Asia' dan 'Semangat Asia.'<sup>3</sup> Slogan-slogan ini jelas berunsur anti-penjajah Barat dan menonjolkan imej Jepun sebagai pembela negara-negara Timur. Begitu juga dengan rancangan 'Kawasan Kesemakmuran Bersama Asia Timur Raya' oleh pihak Jepun. Imperial General Headquarters (IGHQ) Jepun amat berharap India dapat disertakan sekali ke dalam rancangan tersebut. Oleh yang demikian, Jepun mula memberi tumpuan kepada segala bentuk gerakan kemerdekaan India bagi membebaskan India daripada penguasaan British.<sup>4</sup>

IGHQ telah menghantar Jeneral Fujiwara Iwaichi untuk menubuhkan sebuah kumpulan yang dikenali sebagai 'Fujiwara Kikan.'<sup>5</sup> Fujiwara telah berkenalan dengan Pritam Singh<sup>6</sup> seorang aktivis IIL di Bangkok dan juga mula berkenalan dengan Kapten Mohan Singh, seorang ahli tentera British di India. Fujiwara mempunyai kepercayaan dan keyakinan yang cukup tinggi terhadap kebolehan beliau untuk membentuk satu unit tentera bagi membebaskan India daripada penjajahan British. Malah, IIL<sup>7</sup> juga mendapat sokongan daripada Liga India Muslim.<sup>8</sup> Sokongan ini telah memberi keyakinan kepada Kapten Mohan Singh untuk menubuhkan satu pasukan unit tentera. Beliau telah bertemu dengan Fujiwara pada 31 Disember 1941. Pertemuan ini telah membawa kepada idea penubuhan INA.<sup>9</sup> INA telah ditubuhkan di Taiping melalui kerjasama antara Mohan Singh dan Fujiwara.<sup>10</sup> Mohan Singh telah diberi kuasa untuk menjaga kesemua tawanan perang Jepun dan mereka diberi latihan di Kuala Lumpur dan Kepong. Malah, ibu pejabat INA juga telah dipindahkan dari Ipoh ke Kuala Lumpur bagi mengumpulkan kesemua askar India di Kuala Lumpur.<sup>11</sup>

Kajian-kajian terdahulu berhubung INA di Tanah Melayu seperti penyelidikan G.P. Ramachandra<sup>12</sup> merupakan kajian yang terlalu umum dan perbincangan mengenai peranan Jepun dalam penubuhan INA, kepimpinan gerakan itu dan penglibatan Rejimen Jhansi Rani terdapat beberapa kekurangan. Penulisan Joyce C. Lebra,<sup>13</sup> juga merupakan kajian yang umum mengenai INA. Perhubungan Subash Chandra Bose dalam INA dengan Jepun dapat dilihat walaupun aspek lain seperti peranan Rash Behari Bose, Jeneral Mohan Singh serta faktor-faktor penubuhan INA tidak begitu mendalam. Tulisan Paul Kratoska dan Tim Harper juga menyentuh secara ringkas aspek kegiatan INA.<sup>14</sup> Artikel ini akan mengkaji secara teliti pembentukan INA dan kegiatan gerakan itu semasa Perang Dunia Kedua.

## Hubungan awal Jepun dan INA

Selepas sepuluh minggu tentera Jepun mendarat, seluruh Tanah Melayu termasuk Singapura jatuh ke tangan tentera Jepun. Leftenan-Jeneral A. E. Percival terpaksa menyerah diri kepada Leftenan-Jeneral Yamashita Tomoyuki di Singapura.<sup>15</sup> Kekalahan pihak British di tangan Jepun membolehkan seramai 60,000 orang askar tentera British-India diserahkan kepada Mohan Singh bagi tujuan gerakan kemerdekaan India. Satu perhimpunan telah diadakan di Farrer Park pada 16 Februari 1942. Major Fujiwara, Kapten Mohan Singh dan Pritam Singh telah memberikan ucapan dan menyeru orang ramai menyertai gerakan kemerdekaan India, iaitu INA bagi membebaskan India dari belenggu penjajah. Perhimpunan ini telah mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada askar-askar yang berkhidmat di bawah British. Antara kata-kata yang telah menyedarkan mereka ialah *'Why fight for the foreigners? Join us and fight for freedom.'*<sup>16</sup> Walau bagaimanapun, ini tidak bermaksud kesemua askar tawanan itu telah menyertai INA. Terdapat juga kumpulan yang masih enggan bekerjasama dengan Mohan Singh kerana telah mengangkat sumpah taat setia kepada pihak British.<sup>17</sup>

Terdapat beberapa faktor yang mendorong askar-askar dalam tentera British-India untuk menyertai INA. Antara faktor pemangkinnya ialah diskriminasi yang diamalkan oleh pegawai British. Askar-askar India tidak diberi layanan yang baik, menerima gaji yang rendah, makanan yang tidak berkhasiat, tempat tinggal yang tidak selesa serta tidak diberi elaun dan kenaikan pangkat. Selain itu, mereka juga ingin membebaskan India daripada penjajahan British dan INA

merupakan satu-satunya peluang keemasan mereka untuk berbakti dan berjuang untuk tanah air mereka. Pada pandangan mereka dengan menyertai INA mereka juga dapat menyelamatkan negara India daripada dijajah oleh Jepun serta dapat membebaskan diri mereka daripada penyeksaan Jepun di kem tahanan perang. Ada juga askar yang kurang percaya dengan kewibawaan dan kepimpinan Mohan Singh sebagai Komander INA.<sup>18</sup> Oleh itu, Mohan Singh telah dinaikkan pangkat daripada Kapten kepada Major-Jeneral dan mula dikenali sebagai Jeneral Mohan Singh. Kepimpinan Jeneral Mohan Singh memang terserlah apabila beliau mengambil langkah bijak dengan memperkenalkan slogan baru iaitu '*do or die.*' Malah, lagu-lagu patriotisme dan rencana INA telah diperkenalkan oleh beliau bagi meningkatkan lagi semangat nasionalisme askar-askar INA.<sup>19</sup>

Hubungan antara IIL dan INA adalah baik pada awalnya kerana IIL merupakan pengasas kepada penubuhan INA. Walaupun fungsi kedua-dua kumpulan ini berbeza namun matlamat dan motif perjuangan kedua-dua liga adalah sama, iaitu berjuang untuk membebaskan negara India daripada penjajahan India. Dengan ini, IIL berusaha untuk mendapatkan sokongan daripada orang India kerana IIL memberi sokongan kewangan kepada INA. Sebaliknya, INA pula menjalani latihan ketenteraan sebagai persiapan untuk menghadapi peperangan. Rash Behari Bose telah memainkan peranan penting dalam INA.<sup>20</sup> Beliau telah membuat lawatan di Asia Timur untuk memberi kesedaran kepada orang India mengenai kemerdekaan India bagi membebaskan India daripada penjajahan British. Tindakan beliau mendapat sambutan yang memberangsangkan apabila kebanyakan persatuan sosial di Tanah Melayu mula memberi sokongan kepada INA. Sokongan ini bukan sahaja memberi harapan baru kepada IIL dan INA malah menunjukkan bahawa kesedaran terhadap gerakan kemerdekaan mula mendapat perhatian daripada masyarakat India.

Satu mesyuarat telah diadakan di Tokyo pada Mac 1942<sup>21</sup> di bawah pimpinan Rash Behari Bose. Mesyuarat ini boleh dikatakan sebagai satu kejayaan awal IIL kerana mesyuarat ini merupakan satu-satunya perjumpaan orang-orang India di Asia Timur buat kali pertama. Tujuan utama mesyuarat ini diadakan ialah untuk membincangkan mengenai pergerakan kemerdekaan India. Mesyuarat kemerdekaan India telah diadakan di luar India walaupun motif utamanya ialah untuk kemerdekaan India daripada kuasa penjajah. Inilah satu keunikan mesyuarat tersebut. Walau bagaimanapun, berlaku satu peristiwa yang menyedihkan apabila Pritam Singh dan beberapa pemimpin lain terkorban dalam satu nahas kapal terbang semasa dalam perjalanan ke Tokyo.

Persidangan seterusnya telah diadakan di Bangkok pada Jun 1942 kerana negara Siam merupakan negara yang bebas daripada kuasa penjajahan dan juga berdekatan dengan ibu pejabat IIL.<sup>22</sup> Hasil persidangan ini telah membawa kepada pembentukan Majlis Tindakan yang dipengerusikan oleh Rash Behari Bose.<sup>23</sup> Penubuhan Majlis Tindakan merupakan faktor pemangkin yang membawa kepada krisis di antara INA dan IIL. Penubuhan Majlis ini telah mengurangkan kuasa Jeneral Mohan Singh dalam INA. Oleh itu, beliau mengambil keputusan untuk tidak merujuk lagi kepada Majlis Tindakan dan ingin menjadi komander tunggal INA. Segala urusan pentadbiran dan hak mengambil keputusan berkaitan dengan INA ingin diletakkan di bawah kuasa beliau dan bukannya di tangan IIL mahupun Majlis Tindakan. Jeneral Mohan Singh telah menghantar 800 askar INA ke Burma tanpa mendapatkan persetujuan daripada Majlis Tindakan.<sup>24</sup> Krisis ini telah merenggangkan hubungan antara Jeneral Mohan Singh dengan pihak Jepun.

Dalam satu perjumpaan yang dihadiri oleh Rash Behari Bose, Lt. Iqbal, B.K. Das dan beberapa pegawai Jepun, Jeneral Mohan Singh telah dikenakan beberapa syarat untuk kekal berkhidmat sebagai komander INA. Beliau tidak bersetuju dengan syarat-syarat

tersebut dan keadaan ini membawa kepada penyingkiran beliau daripada INA.<sup>25</sup> Beliau ditahan pada 29 Disember 1942 kerana didapati cuba menimbulkan masalah dalam INA dan ingin mengasingkan INA daripada Majlis Tindakan dan juga IIL. INA telah diambil alih oleh Rash Behari Bose selepas penahanan Jeneral Mohan Singh. Dalam tempoh masa ini, berlaku pelbagai krisis dalam INA sehingga menyebabkan kekuatan INA sebagai pasukan gerila mula merosot.<sup>26</sup> Keputusan telah dicapai untuk menjemput Subash Chandra Bose ke Tanah Melayu.<sup>27</sup> Kedatangan Subash Chandra Bose boleh dikatakan sebagai satu titik permulaan sejarah baru dalam INA. Rash Behari Bose begitu yakin dengan kewibawaan Subash dengan menyatakan: *'Netaji is a born leader of leaders. I shall of course be quite pleased to ask him to take over from me.'*<sup>28</sup>

## **Peranan Subhas Chandra Bose dalam INA**

Subhas Chandra Bose telah berjumpa dengan Rash Behari Bose di Tokyo dan sempat berunding mengenai INA dan IIL. Subhas Chandra Bose juga tidak melepaskan peluang ini untuk berjumpa dengan Perdana Menteri Jepun. Beliau berjumpa dengan Perdana Menteri Tojo pada 10 Jun 1943. Perjumpaan ini benar-benar menonjolkan kewibawaan Subhas Chandra Bose sebagai pemimpin yang cukup berkebolehan. Selepas perjumpaan ini, beliau memberi sepatah kata dua dalam radio Jepun. Beliau bermula dengan ucapan: *'To my regret, I can't speak Japanese and therefore let me speak in English, which is the language of our enemy.'*<sup>29</sup>

Subash Chandra Bose dilantik sebagai Komander INA pada 25 Julai 1943.<sup>30</sup> Beliau juga mengambil alih jawatan sebagai Presiden IIL. Dengan ini, dua badan yang berbeza dipimpin oleh seorang pemimpin yang sama. IIL telah memainkan peranan sebagai sebuah kerajaan sementara INA pula berperanan sebagai sebuah pasukan tentera bagi kerajaan tersebut. Subash Chandra Bose juga ingin mengembangkan saiz INA seperti Jeneral Mohan Singh. Beliau ingin menambahkan ahlinya sehingga 50,000 orang berbanding 13,000 orang sebelumnya.<sup>31</sup> Pertambahan ahli adalah penting untuk menjamin kekuatan INA sebagai satu pasukan tentera. Beliau juga ingin menjadikan INA sebagai pasukan tentera berperang yang cekap. Perdana Menteri Jepun tidak menyetujui cadangan beliau untuk membesarkan saiz INA. Keadaan ini telah menimbulkan perasaan tidak puas hati dan Subhas Chandra Bose mula curiga terhadap Jepun. Beliau bertekad untuk menguruskan INA tanpa bantuan Jepun. Beliau mula meraih sokongan orang-orang India untuk mengukuhkan lagi kedudukan INA dari segi kewangan. Beliau telah memperkenalkan 'total mobilisation' atau gerakan besar-besaran.<sup>32</sup> Ia bertujuan untuk mendapatkan kutipan derma daripada orang India di Tanah Melayu dan juga di negara-negara Asia lain.<sup>33</sup> Sumbangan ini penting agar INA tidak terlalu bergantung kepada pihak Jepun.

Subash Chandra Bose juga memperkenalkan jawatan ketua pegawai dan komander bahagian bagi menggantikan jawatan pengarah dalam jabatan tentera.<sup>34</sup> Beliau juga memperkenalkan pemberian pampasan sebagai menghargai sumbangan askar-askar INA yang sudah tua, bersara, terbunuh, tercedera atau tidak berupaya. Pemberian pampasan atau pencen ini telah menambahkan lagi bilangan askar yang menyertai INA.<sup>35</sup> Subash Chandra Bose telah memperkenalkan pemberian pingkat sebagai penghargaan kepada askar-askar INA. Beliau percaya dan yakin pemberian pingkat ini dapat meningkatkan lagi semangat nasionalisme askar-askar India. Oleh kerana Subhas Chandra Bose begitu mengambil berat mengenai jasa dan sumbangan askar-askar India,

maka beliau juga turut dihargai oleh mereka. Sebagai menghargai jasa beliau, askar-askar India ini mula memberi gelaran 'Netaji' (*Respected leader* atau pemimpin yang dihormati) sebagai tanda hormat kepada beliau.<sup>36</sup> Sejak itu, beliau mula dikenali sebagai Netaji dan gelaran ini kekal hingga ke hari ini. Netaji kemudian mula memperkenalkan ucapan 'Jai Hind' untuk meningkatkan lagi semangat nasionalisme.<sup>37</sup> Beliau yakin ucapan ini dapat membakar semangat perjuangan orang India untuk memerdekakan negara India dan sebarang bentuk kemerdekaan di India harus dilakukan oleh INA dan bukannya oleh Jepun. INA hanya memerlukan bantuan Jepun dan bukannya menjadi pembantu kepada Jepun. Bagi beliau, *'India's freedom had to be won by Indians. The first drop of blood shed on Indian soil must be that of a soldier of the INA.'*<sup>38</sup>

Idea penubuhan Provisional Government of Free India (Kerajaan Azad Hind) telah disampaikan oleh Subash Chandra Bose pada 9 Julai 1943. Namun, pengisytiharan idea tersebut hanya dilakukan pada 21 Oktober 1943.<sup>39</sup> Pengisytiharan Kerajaan Azad Hind ini dilakukan di Singapura dan pengisytiharan ini dianggap penting bagi mendapatkan sokongan daripada negara luar bagi pembebasan India. Penubuhan Kerajaan Azad Hind ini juga penting bagi melancarkan perang ke atas British. Pada 24 Oktober 1943, Netaji telah mengisytiharkan perang ke atas British dan Amerika.<sup>40</sup> Pengisytiharan perang ini jelas menunjukkan kesungguhan Netaji membebaskan India daripada belunggu penjajahan British. Penubuhan Kerajaan Azad Hind ini turut mendapat persetujuan daripada Jepun dan turut diiktiraf oleh negara-negara lain seperti Jerman, Itali, Burma, China, Croatia, Filipina, Thailand dan Manchukuo. Jepun juga telah memberikan Pulau Andaman dan Pulau Nicobar kepada kerajaan baru yang dibentuk oleh Netaji.<sup>41</sup> Pemberian dua pulau tersebut telah membolehkan Kerajaan Azad Hind mempunyai wilayahnya sendiri. Netaji telah menamakan Pulau Andaman sebagai 'Shaheed' dan Pulau Nicobar sebagai 'Swaraj'.<sup>42</sup>

## Pembentukan Rejimen Jhansi Rani

Subash Chandra Bose telah membentuk satu pasukan baru dalam INA iaitu pasukan tentera wanita. Pasukan ini diberi gelaran Rejimen Jhansi Rani. Netaji telah mengutarakan idea ini ketika memberi ucapan di depan orang ramai.<sup>43</sup> Namun cadangan Netaji ini ditentang oleh pihak Jepun. Jepun berpendapat wanita tidak sepatutnya terlibat dalam pasukan tentera mahupun menjejakkan kaki di medan perang. Netaji berjaya menyakinkan pihak Jepun bahawa wanita mampu menjadi askar yang cukup berkebolehan. Pembentukan regimen Jhansi Rani juga dilihat sebagai satu peluang bagi wanita yang ingin berjuang untuk membebaskan tanah air mereka. Malah, rejimen Jhansi Rani juga boleh melakukan dua tugas dalam satu masa. Mereka boleh berperanan sebagai askar dan juga jururawat di medan perang. Peranan mereka penting untuk membantu askar-askar INA yang mengalami kecederaan di medan perang. Pembentukan regimen ini telah mendapat sambutan yang cukup memberangsangkan daripada golongan wanita. Ramai wanita mula menyertai rejimen ini secara sukarela. Wanita yang berpendidikan tinggi juga mula menyertai rejimen ini.<sup>44</sup>

Pada 12 Julai 1943 lebih 40 wanita mula diberi latihan di kem Bidadari yang terletak di Singapura. Latihan untuk pasukan ini meliputi latihan untuk berperang menggunakan senjata dan juga merawat pesakit. Ucapan dari Subash Chandra Bose telah menarik minat wanita India yang berumur antara 18 tahun hingga 40 tahun yang sanggup meninggalkan rumah dan perkerjaan mereka untuk menyertai rejimen ini.<sup>45</sup>

Setelah mengisytiharkan Provisional Government of Free India (Kerajaan Azad Hind) pada 21 Oktober 1943, Netaji mengisytiharkan pula rejimen Jhansi Rani pada keesokan hari iaitu pada 22 Oktober 1943.<sup>46</sup> Regimen Jhansi Rani dibahagikan kepada tiga unit, iaitu unit berperang, unit rawatan dan unit pancaragam. Unit berperang mempunyai seramai 600 orang dan jumlah tersebut dibahagikan kepada enam kumpulan. Setiap kumpulan mempunyai seorang komander.<sup>47</sup> Unit rawatan pula mempunyai 100 orang dan unit ini akan bersama dengan unit berperang. Unit pancaragam hanya mempunyai 10 orang rekrut.

Netaji telah mengadakan lawatan ke kem Rejimen Jhansi Rani semasa lawatan beliau ke ibu pejabat INA yang dikenali sebagai Majlis Tertinggi di Singapura. Dalam lawatan tersebut, beliau telah meneliti secara mendalam dan mengatakan rejimen Jhansi Rani sudah bersedia untuk bertolak ke Burma dan ke medan perang.<sup>48</sup> Setelah menjalani latihan selama sembilan bulan di kem, Netaji telah memberi arahan untuk menghantar 300 pegawai yang terlatih dan 50 jururawat yang terlatih dihantar ke Burma.<sup>49</sup> Sehari sebelum bertolak ke medan perang, seluruh kem Rejimen Jhansi Rani telah mengadakan majlis sempena penghantaran mereka. Ahli-ahli dari INA telah berjumpa dengan kumpulan ini di stesen keretapi api dan mengharungi perjalanan selama lima hari untuk sampai di Burma. Mereka bergerak di medan perang mengikut perintah dan arahan askar-askar INA.

Salah seorang rekrut dari Rejimen Jhansi Rani yang bernama Gian Kaur telah meninggal dunia kerana demam tifoid dan dua orang rekrut lagi yang bernama Stella dan Josephine meninggal dunia kerana mengalami kecederaan akibat serangan ketika kembali ke Singapura dari Burma.<sup>50</sup> Seorang rekrut yang bernama Valiammal pula kehilangan jarinya. Rekrut tersebut tidak mengambil peduli kecederaan yang dialaminya demi berjuang untuk kemerdekaan tanah airnya. Jari Valiammal tercedera kerana tersempit di penyangkut sehingga menyebabkan kulitnya terkoyak dan berdarah. Valiammal telah diberikan rawatan kecemasan oleh pegawai Jeeva dan Valiammal telah dihantar ke hospital INA di Bidadari. Valiammal telah diberi rawatan oleh Major Rao. Jari Valiammal telah diberi sembilan jahitan di kedua-dua belah tepi jarinya dan dibalut.<sup>51</sup>

Valiammal telah mendesak doktor tersebut memberi rawatan dengan secepat mungkin supaya beliau tidak ketinggalan peluang keemasan untuk berjuang di bawah kumpulan pertama ini. Setelah mendengar penjelasan daripada Valiammal, doktor tersebut terkejut dan memberi nasihat kepadanya agar mengikuti kumpulan lain kerana jarinya mengalami kecederaan serius. Valiammal telah menyeru kepada doktor tersebut supaya tidak memberitahu kepada komandernya kerana ingin berjuang untuk kemerdekaan tanah air. Valiammal juga menyeru kepada doktor tersebut untuk memberi rawatan sekadar jari tersebut dapat digunakan untuk menembak musuhnya.<sup>52</sup> Setelah mendengar penjelasan daripada beliau, doktor tersebut begitu terharu dan berbangga dengan Rejimen Jhansi Rani. Valiammal pun kembali menyertai kumpulan pertama tersebut setelah menerima rawatan sekadar cukup sahaja. Akibatnya, Valiammal kehilangan jarinya sekembalinya dari Burma setelah Jepun menyerah kalah. Walau bagaimanapun, Valiammal tetap berbangga dan gembira kerana dapat mengorbankan satu jarinya untuk tanah airnya. Sekembalinya dari Burma, latihan diteruskan seperti biasa atas arahan Netaji sebagai persediaan untuk bertolak ke Burma buat kali kedua. Namun rancangan ini tidak kesampaian kerana kekalahan Jepun kepada tentera

Bersekutu. Sumbangan Rejimen Jhansi Rani dalam INA dalam usahanya berjuang demi kebebasan negara India memang tidak dapat dinafikan.<sup>53</sup>

Setelah British menawan semula Singapura dan Tanah Melayu, mereka mula menyasiat hampir keseluruhan pegawai IIL dan INA. Sebagai contohnya di Ipoh, perintah telah dikeluarkan untuk menyoal siasat pegawai Rejimen Jhansi Rani di bangunan mahkamah. Lima orang pegawai yang terdiri daripada jawatan Kolonel hingga Major telah dibawa ke sana dengan sebuah jip. Dalam soal siasat tersebut, Lt. R. Lakshmi Devi Naidu telah ditanya pelbagai soalan seperti tempat lahir, pendidikan, sebab menyertai INA dan sebagainya. Lakshmi Naidu membalas dengan menyatakan tujuan utama mereka menyertai INA ialah untuk membebaskan India daripada penjajahan British. Berikut ialah perbualan antara beliau dengan seorang pegawai British:<sup>54</sup>

Pegawai British: Sekiranya kita bertemu di medan perang, apakah tindakan anda?

Lt. R. Lakshmi: Saya akan menembak anda (pegawai British tersebut terkejut dengan jawapan beliau).

Pegawai British: Tembak saya?

Lt. R. Lakshmi: Ya. Saya kena tembak anda atau saya akan ditembak oleh anda.

Pegawai British: Anda seorang yang cukup berani.

Lt. R. Lakshmi: Ya, wanita India memang berani.

Selepas itu, beliau dihidangkan dengan secawan kopi oleh pegawai British tersebut tetapi ditolak oleh beliau. Pegawai tersebut bertanya kepada beliau: 'Pegawai British: Adakah anda menolak pelawaan saya kerana saya musuh anda?' Lakshmi menjawab: 'Saya hanya bencikan peraturan British dan bukannya British.' Setelah mendengar jawapan daripada beliau, pegawai British itu sendiri menghantar beliau balik ke rumahnya dengan menaiki jip yang sama.<sup>55</sup>

## **INA di medan perang di Burma**

Subash Chandra Bose telah membuat keputusan untuk memindahkan ibu pejabat Kerajaan Azad Hind ke Burma. Beliau melakukan pemindahan itu pada bulan Disember 1944.<sup>56</sup> Perpindahan ini penting untuk menjayakan 'Operasi Imphal.' 'Operasi Imphal' ialah satu operasi yang dijalankan oleh INA dan tentera Jepun untuk memasuki India melalui Imphal. Imphal menjadi tumpuan kerana ia terletak di sempadan India dan Burma. Beliau berjaya melakukan pemindahan ini setelah berjaya mendapatkan sokongan daripada kerajaan Burma dan Thailand melalui lawatan beliau ke negara-negara tersebut. Malah, sokongan daripada masyarakat India juga memberi keyakinan kepada Netaji untuk melancarkan 'Operasi Imphal.' Pelancaran 'Operasi Imphal' ini bukan sahaja penting kepada INA malah turut dinanti-nantikan oleh Jepun. Jepun amat berharap India bebas daripada penjajahan British bagi menepati slogannya iaitu 'Asia untuk orang Asia.' Penentangan terhadap British juga penting bagi mengekalkan kuasa Jepun di Burma.<sup>57</sup> Jepun sedia memberi bantuan kepada INA kerana British masih mempunyai hasrat untuk merampas Burma daripada Jepun. Pengusiran keluar British dari India melalui 'Operasi Imphal' diharap dapat menonjolkan imej Jepun sebagai satu kuasa yang kuat di rantau Asia Tenggara.

Lt. Kol. Kawabe Masakzu merupakan komander tentera kawasan Burma. Netaji selaku panglima tertinggi INA telah mengadakan perjumpaan dengan beliau bagi memastikan 'Operasi Imphal' berjalan dengan lancar. Netaji ingin memastikan maruah tentera INA sentiasa dijaga agar tidak dipandang rendah oleh mana-mana pihak khususnya pegawai-pegawai Jepun yang suka memandang rendah terhadap kebolehan askar-askar INA.<sup>58</sup> Oleh itu, beliau telah mengemukakan beberapa syarat bagi memastikan perkara tersebut tidak berlaku kepada askar-askar INA. Syarat-syarat tersebut ialah menekankan status yang sama bagi INA dan tentera Jepun. Malah, Netaji juga menekankan arahan bagi askar-askar INA akan diberikan oleh pegawai-pegawai INA dan bukannya pegawai-pegawai Jepun. Tentera Jepun dan INA bergerak secara berasingan walaupun bagi tujuan dan matlamat yang sama. Askar-askar INA hanya akan mematuhi undang-undang INA dan bukannya undang-undang tentera Jepun. Jepun juga tidak dibenarkan membawa sebarang perubahan kepada unit INA. INA juga akan mengambil alih wilayah-wilayah yang berjaya dirampas daripada British dan hanya bendera INA sahaja yang akan dikibarkan di India. Syarat menembak mati askar-askar Jepun yang didapati merogol wanita India juga dikeluarkan dan Calcutta tidak boleh dibom oleh Jepun.<sup>59</sup> Syarat-syarat tersebut diterima oleh Lt. Kol. Kawabe Masakzu walaupun Netaji inginkan INA mendahului tentera Jepun di sempadan Indo-Burma.

Netaji telah mencadangkan beberapa teknik peperangan bagi menjayakan 'Operasi Imphal' ini. Beliau ingin melakukan serangan dari Chittagong kerana beliau amat yakin penduduk di sana akan memberi sokongan kepada INA.<sup>60</sup> Walau bagaimanapun, cadangan ini tidak disetujui oleh Jepun kerana INA hanya mempunyai kekuatan tentera darat sahaja. INA tidak mempunyai kekuatan dari segi unit tentera udara dan laut. Oleh itu, Lt. Jeneral Mutaguchi yang merupakan ketua unit tentera telah mencadangkan agar serangan dilakukan di Imphal dan Kohima.<sup>61</sup> Cadangan ini turut memberi peluang kepada INA berjuang bersama dengan tentera Jepun. Netaji mula mengatur pasukan tentera bersama dengan Lt. Jeneral Mutaguchi. Keputusan dicapai untuk menghantar seramai 20,000 askar INA ke Rangoon. Mereka terdiri daripada tiga regimen utama dalam bahagian satu INA. Regimen Subhas, rejimen Gandhi dan rejimen Azad telah dihantar ke tiga lokasi yang berbeza untuk menjayakan 'Operasi Imphal.' Tiga rejimen dari INA bahagian satu telah diarahkan ke medan perang. Rejimen Subhas yang dipimpin oleh Lt. Kol. Shah Nawaz Khan terdiri daripada 3,000 orang askar.<sup>62</sup> Mereka diletakkan di bawah pengawasan Lt. Jeneral Kawabe. Selain rejimen Subhas, rejimen Gandhi dan rejimen Azad turut dihantar ke medan perang. Malah, rejimen Jhansi Rani turut dihantar ke Rangoon. Seramai 500 orang dari rejimen Jhansi Rani dihantar untuk berjuang di samping membantu askar-askar INA yang memerlukan bantuan.

Pelbagai langkah telah diambil untuk menarik minat lebih ramai sukarelawan untuk menyertai INA. Seruan telah dilakukan oleh IIL melalui radio dan akhbar. Sebagai hasilnya, muncul pasukan 'Bala Sena'. Pasukan ini menerima latihan ketenteraan bagi membantu INA. Askar-askar INA di Tanah Melayu sudah bersedia untuk mara ke medan perang. Namun terdapat juga sebilangan mereka masih menjalani latihan di kem-kem latihan kerana baru sahaja menyertai perjuangan INA. Askar-askar INA telah mara ke depan untuk menentang British apabila arahan perang dikeluarkan pada 4 Februari 1944. Askar-askar INA telah mengambil kesempatan ini untuk berjuang bagi membebaskan tanah air mereka daripada belenggu penjajahan British. INA telah memperkenalkan moto baru untuk meningkatkan lagi semangat perjuangan mereka. Moto mereka ialah 'merdeka atau mati'.<sup>63</sup> Moto ini jelas menunjukkan kesungguhan



mereka dalam memerdekakan negara India. Kepercayaan mereka telah membawa kepada kejayaan yang cukup besar kepada INA apabila INA dan tentera Jepun berjaya mengatasi cabaran tentera pihak lawan di wilayah Taung Bazaar. Malah, wilayah Myanmiganj juga berjaya ditawan oleh INA dan tentera Jepun. Semangat askar INA yang berkobar-kobar membolehkan mereka mengatasi serangan daripada askar-askar British dengan cekap. Akhirnya, askar-askar INA berjaya memasuki sempadan India pada 14 April 1944. Kejayaan ini disambut dengan penuh kegembiraan oleh askar-askar INA. Menurut Harihara Das: *'Soldiers laid themselves flat on the ground and passionately kissed the sacred soil of their Motherland which they had set out to liberate.'*<sup>64</sup>

Namun kegembiraan INA dan tentera Jepun tidak kekal lama dengan ketibaan musim hujan. Musim hujan telah menyebabkan INA dan tentera Jepun terpaksa berundur. INA dan tentera Jepun tidak dapat mara ke depan kerana pasukan tentera British mula memberi penentangan yang hebat. Walaupun INA hampir mencapai kejayaan memasuki Imphal tetapi gagal kerana tiada bantuan udara Jepun. Kekurangan ini menjadi satu kelebihan kepada pihak lawan untuk menentang dengan hebat.<sup>65</sup> Musim hujan telah membawa kepada kesusahan dan kesengsaraan kepada askar INA di medan perang. Keadaan ini membawa kepada kekalahan INA. Situasi menjadi kelam kabut dan tentera Jepun mula memberi arahan kepada askar-askar INA.<sup>66</sup> Ramai askar INA meninggal dunia akibat terkena tembakan pihak lawan. INA kehilangan ramai askar dan ada juga yang ditawan oleh askar-askar British di medan perang. INA dan tentera Jepun mula berundur dari medan perang apabila perintah dikeluarkan untuk membatalkan 'Operasi Imphal' pada 5 Julai 1944.

Netaji telah melakukan lawatan ke Tokyo kerana pimpinan Perdana Menteri Hideki Tojo digantikan dengan Perdana Menteri Kuniaki Koiso.<sup>67</sup> Lawatan ini penting bagi memastikan sokongan Jepun terus berkekalan. Netaji amat berharap bantuan kewangan dan senjata daripada Jepun untuk perjuangan mereka. Netaji berasa sangat gembira kerana Perdana Menteri Koiso juga berjanji untuk menghulurkan bantuan kepada INA. Bagi memudahkan INA berhubung dengan pihak Jepun, Netaji telah melantik seorang diplomat Jepun untuk berkhidmat dalam Provisional Government of Free India (Kerajaan Azad Hind). Selain Tokyo, beliau juga telah mengadakan lawatan ke China, Saigon, Taihoko dan Singapura. Lawatan ini penting bagi mendapatkan sokongan daripada negara-negara tersebut dalam perjuangan INA. Beliau juga turut mengadakan perjumpaan dengan pegawai-pegawai INA bagi mengetahui perkembangan semasa. Pengalaman dalam 'Operasi Imphal' telah dijadikan sebagai satu pengajaran oleh Netaji. Beliau ingin mengatasi masalah kekurangan tentera udara yang dihadapi oleh INA. Oleh itu, kumpulan 'kadet Tokyo' telah diperkenalkan oleh Netaji. Kumpulan ini terdiri daripada 45 orang yang akan dihantar ke Tokyo untuk menjalani latihan selama dua tahun.

Netaji kembali ke Rangoon selepas lawatan ke Tokyo. Pada 23 April 1945, Netaji mendapat berita mengenai kemaraan tentera British India ke Rangoon. INA dan tentera Jepun menemui kekalahan dalam perang di Burma apabila Burma Independence Army bersuhabat dengan tentera British India dan melawan balik tentera Jepun.<sup>68</sup> Netaji terpaksa meninggalkan Rangoon walaupun masih terdapat seramai 7,000 askar INA di Burma. Netaji bersama dengan rejimen Jhansi Rani telah bertolak ke Singapura. Seramai 500 askar Jhansi Rani telah mengikuti Netaji sehingga mereka dihantar ke Tanah Melayu. Selepas menghantar pulang rejimen Jhansi Rani dengan selamat Netaji bertolak ke Singapura.<sup>69</sup> Ini menunjukkan sikap Netaji yang mengambil berat terhadap askar-

askar INA. Netaji telah mengambil kesempatan ini untuk berjumpa dengan bahagian tiga INA di Singapura. Kekalahan INA dan tentera Jepun dalam perang di Burma telah menggagalkan misi INA untuk melakukan serangan di Rangoon. Netaji ingin memastikan kekalahan ini tidak mematahkan semangat perjuangan askar-askar INA. Oleh itu, beliau telah mengambil langkah membina tugu peringatan. Tugu peringatan dibina di Singapura bagi menghormati askar-askar INA yang meninggal dunia di medan perang. Tugu yang dikenali sebagai 'Shaheeds' ini telah merancakkan lagi semangat nasionalisme askar-askar INA untuk berjuang demi kemerdekaan tanah air mereka.

Minggu Netaji juga telah diadakan di Singapura.<sup>70</sup> Walaupun minggu ini diadakan untuk menghargai jasa beliau namun ia juga mempunyai tujuan lain. Pelaksanaan minggu Netaji ini diharap dapat menggalakan lebih ramai sukarelawan untuk menyertai INA. Penyertaan lebih ramai sukarelawan amat diharapkan untuk mengembangkan lagi saiz INA sebagai satu pasukan yang kuat. Setelah selesai mengadakan lawatan ke negara-negara luar, Netaji mengadakan lawatan ke seluruh Tanah Melayu. Netaji mempunyai harapan yang tinggi terhadap bahagian tiga INA.<sup>71</sup> Ini kerana beliau ingin mempertahankan Tanah Melayu daripada serangan British dengan menggunakan bahagian tiga INA ini. Netaji juga telah berusaha mengatasi segala masalah dalaman yang muncul dalam INA. Beliau ingin mengambil kesempatan ini untuk menyelesaikan sebarang perselisihan faham yang muncul dalam INA. Ini kerana beliau pasti sebarang krisis dalaman sesama askar-askar INA atau pegawai-pegawai INA boleh memberi kesan negatif kepada kestabilan dan kekuatan INA sebagai satu pasukan tentera yang cekap.

Walau bagaimanapun, serangan bom atom oleh tentera bersekutu di Hiroshima dan Nagasaki telah membawa kepada kekalahan Jepun. Netaji hanya mendapat tahu mengenai berita kekalahan Jepun pada 10 Ogos 1945. Berita penyerahan kalah oleh Jepun telah memberi impak yang besar kepada INA dan Netaji. Ini kerana Jepun merupakan tulang belakang kepada pembentukan INA di Tanah Melayu. Jepun telah memainkan peranan penting dengan memberi sokongan kepada INA. Maka, timbul persoalan di sini sama ada INA dapat meneruskan perjuangannya tanpa bantuan Jepun atau tidak? Menurut S. A. Ayer, Netaji menjelaskan bahawa pengunduran tentera Jepun tidak bermaksud pengunduran tentera INA.<sup>72</sup> INA tetap akan meneruskan perjuangannya seperti biasa. Oleh itu, Netaji telah mengadakan perjumpaan dengan kabinet Kerajaan Azad Hind. Cadangan Netaji untuk melancarkan serangan terhadap tentera British India tanpa sokongan Jepun tidak disetujui oleh kabinet tersebut. Kabinet telah mengambil satu keputusan yang cukup penting bagi masa depan INA. Kata sepakat dicapai untuk menghantar Netaji ke Rusia atau Manchuria bagi mendapatkan sokongan bagi perjuangan beliau. Langkah ini diambil bagi mengelakkan Netaji menjadi tawanan perang British.<sup>73</sup>

Netaji telah bersetuju dengan cadangan kabinet walaupun pada mulanya beliau enggan menerima cadangan tersebut. Sebelum bertolak ke Rusia beliau telah membubarkan IIL dan INA. Beliau juga membubarkan cabinet Kerajaan Azad Hind. Langkah ini penting bagi memastikan tidak berlaku sebarang penindasan oleh tentera British terhadap ahli-ahli badan tersebut. Netaji bersetuju untuk pergi ke Rusia bagi mendapatkan sokongan daripada negara tersebut.<sup>74</sup> Netaji telah memberikan ucapan terakhir melalui radio di Singapura sebelum berlepas ke Bangkok. Dalam ucapan tersebut beliau menegaskan negara India akan bebas daripada belenggu penjajahan pada satu hari nanti. Netaji terlibat dalam satu nahas kapal terbang pada 18 Ogos 1945.

Netaji telah meninggal dunia dalam nahas tersebut. Kematian Netaji boleh dikatakan sebagai satu kehilangan yang cukup besar dan sesuatu yang sukar diganti. Kematian beliau juga telah meletakkan noktah terhadap perjuangan kemerdekaan India di bawah INA. Selepas Jepun menyerah kalah, tentera British mula memasuki Tanah Melayu. Kemasukan tentera British India telah memberi kesan negatif kepada askar-askar INA dan askar Jepun. Mereka telah dijadikan sebagai tawanan perang dan dihantar ke New Delhi untuk dibicarakan.<sup>75</sup> British telah memusnahkan tugu peringatan yang dibina oleh Netaji sebelum ini bagi memperingati jasa dan sumbangan wira-wira INA yang terkorban di medan peperangan. British telah menahan kebanyakan pemimpin-pemimpin yang terlibat dalam gerakan nasionalisme. Antara mereka yang menjadi tahanan tentera British ialah John Thivy<sup>76</sup> dan N. Raghavan.<sup>77</sup> Mereka didapati bersalah kerana terlibat dalam Kerajaan Azad Hind.

Penahanan pegawai-pegawai INA telah menyebabkan berlakunya rusuhan di beberapa kawasan seperti New Delhi, Calcutta, Bombay dan Madras. Rusuhan ini telah mengorbankan lebih 100 orang.<sup>78</sup> Hal ini membawa kepada campur tangan Kongress Kebangsaan India. Sokongan Kongress Kebangsaan India telah membolehkan pegawai-pegawai ini bebas daripada hukuman berat. Peguam-peguam yang handal dari India juga telah dihantar ke Singapura untuk membantu membela pegawai-pegawai tersebut. Pada 18 Mac 1946, Jawaharlal Nehru telah datang ke Singapura dan kedatangan beliau telah banyak membantu dalam pembebasan askar-askar INA.

## **Kesimpulan**

Perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa pembentukan INA di Tanah Melayu berkaitan rapat dengan pendudukan Jepun. Kejayaan Jepun mengatasi tentera Bersekutu telah menyebabkan ramai askar tentera British India menjadi tawanan Jepun. Salah seorang tawanan perang yang telah mencipta nama ialah Jeneral Mohan Singh. Beliau telah diberikan galakan dan sokongan oleh Jeneral Fujiwara Kikan dan Pritam Singh yang merupakan ketua Indian Independence League (IIL) untuk menubuhkan Indian National Army (INA). Kejayaan Jepun menawan Singapura pada 15 Februari 1942 telah menambahkan lagi pertambahan saiz INA sebagai satu pasukan tentera yang mantap. Ucapan Jeneral Mohan Singh telah berjaya membangkitkan semangat nasionalisme kebanyakan askar tawanan perang Jepun berbangsa India yang pernah berkhidmat dengan tentera British India untuk menyertai INA. Hubungan antara IIL dan INA pada mulanya baik di mana IIL berperanan sebagai sebuah kerajaan dan INA pula berperanan sebagai sebuah pasukan tentera untuk kerajaan tersebut. Namun, hubungan baik ini tidak kekal lama dengan penubuhan Majlis Tindakan. Majlis Tindakan telah mengurangkan kuasa Jeneral Mohan Singh dalam INA. Beliau telah dikenakan beberapa syarat untuk kekal berkhidmat sebagai Komander INA. Krisis ini telah menimbulkan perselisihan faham antara Majlis Tindakan dengan Mohan Singh yang membawa kepada penyingkiran dan penahanan Jeneral Mohan Singh. Penahanan beliau telah mengugat kestabilan tentera INA dan masalah ini berjaya diatasi dengan kedatangan Subhas Chandra Bose yang mencipta satu sejarah baru dalam perjuangan INA.

Beliau telah menubuhkan pasukan tentera wanita di bawah INA. Pasukan tersebut dikenali sebagai rejimen Jhansi Rani yang diisytiharkan oleh beliau pada 22 Oktober 1943. Subhas yang terkenal dengan gelaran Netaji juga telah memainkan peranan penting dalam penubuhan Provisional Government of Free India (Kerajaan Azad Hind)

pada 21 Oktober 1943. Penubuhan kerajaan ini membolehkan beliau melancarkan perang ke atas British dan Amerika Syarikat pada 24 Oktober 1943. Netaji juga telah memperkenalkan slogan baru iaitu 'Mara ke Delhi'. Slogan ini diperkenalkan untuk melancarkan 'Operasi Imphal' di Burma. Tentera Jepun dan INA berjaya memasuki sempadan India pada 14 April 1944. Walau bagaimanapun, kegembiraan mereka tidak berkekalan dengan ketibaan musim hujan yang membawa kepada pengunduran tentera Jepun dan INA. 'Operasi Imphal' telah dibatalkan pada 5 Julai 1944. Kegagalan operasi ini tidak menghancurkan semangat Netaji dan askar-askar INA. Netaji sibuk membuat persiapan untuk melakukan serangan buat kali kedua ke atas British. Pada ketika itulah, Netaji mendapat tahu bahawa British sudah pun menguasai Rangoon dan kekalahan Jepun pada 10 Ogos 1945. Keadaan ini telah memaksa Netaji untuk bertolak ke Rusia untuk mengelakkan beliau daripada menjadi tahanan perang British. Walaupun Netaji tidak bersetuju dengan cadangan tersebut tetapi atas nasihat kabinet Kerajaan Azad Hind Netaji pun bersetuju untuk bertolak ke Rusia. Beliau telah membubarkan IIL, INA dan kabinet Kerajaan Azad Hind sebelum bertolak ke Rusia. Netaji meninggal dunia dalam satu nahas kapal terbang pada 18 Ogos 1945. Kematian Netaji merupakan satu kehilangan yang cukup berharga dan melenyapkan perjuangan INA. Setelah kemasukan British, askar-askar INA dan telah ditawan oleh British. Penahanan askar-askar INA ini telah membangkitkan semangat nasionalisme orang-orang India di mana mereka mula memberontak demi pembebasan mereka. Keadaan ini membawa kepada campur tangan Kongres Kebangsaan India. Penglibatan Kongres Kebangsaan India telah banyak membantu dalam pembebasan askar-askar INA daripada menjadi tahanan perang British. Salah seorang tahanan yang berjaya mencipta nama selepas pendudukan Jepun ialah John Thivy. Beliau telah memainkan peranan penting dalam penubuhan Malayan Indian Congress (MIC) yang ditubuhkan pada Ogos 1946 untuk meneruskan perjuangan menentang penjajah dan mewakili masyarakat India di Tanah Melayu dalam semua perkara termasuk dalam memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu.

## Rujukan

- Bhargava, Moti Lal 1982, *Netaji Subhas Chandra Bose in South-East Asia and India's Liberation War 1943-45*, Vishwavidya Publishers, New Delhi.
- Bose, Romen 1993, *A Will For Freedom*, V. J. Times, Singapore.
- Chatterji, Major General AC 1947, *India's Struggle for Freedom*, Chatterjee and Co. Ltd., Calcutta.
- Cohen, Stephen P 1971, *The Indian Army*, University of California Press, Berkeley.
- Corr, Gerald H. 1975, *The War of the Springing Tiger*, Osprey Publishing Limited, London.
- Das, Hari Hara 1983, *Subash Chandra Bose and the Indian National Movement*, Sterling Publishers Private Limited, New Delhi.
- Ghosh, KK 1969, *The Indian National Army*, Meenakshi Prakashan, Meerut.
- Giani, Kesar Singh 1947, *Indian Independence Movement in East Asia*, Singh Brother, Lahore.
- Gopinath, Aruna 2007, *Footprints on the Sands of Time: Rasammah Bhupalan: A Life of Purpose*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Harper, Tim 2006, *The Forgotten Armies: The Fall of British Asia, 1941-1945*, Harvard University Press, Cambridge.
- Hayashida, Tatsuo 1970, *Netaji Subhas Chandra Bose*, Allied Publishers, Bombay.
- Iwaichi, Lt. General Fujiwara 1983, *F. Kikan*, Akashi Yoji, Heinemann Asia, Hong Kong.

- Lebra, Joyce C 1971, *Jungle Alliance: Japan and the Indian National Army*, Asia Pacific Press, Singapore.
- Kratoska, Paul 1998, *The Japanese Occupation of Malaya*, Allen and Unwin, St. Leonards, New South Wales.
- Muthu, PRK Purachi 1998, *The Rani of Jhansi Regiment of the Indian National Army*, Chennai.
- Nair, AM 1982, *An Indian Freedom Fighter in Japan*, Orient Longman, Bombay.
- Netaji Centre, 1992, *Netaji Subhas Chandra Bose: A Malaysian Perspective*, Netaji Centre, Kuala Lumpur.
- Pandit, H N 1988, *Netaji Subhas Chandra Bose: From Kabul to Battle of Imphal*, Sterling Publishers Private Limited, New Delhi.
- Ramachandra, GP 1970, 'The Independence Movement in Malaya, 1942-1945,' M. A. Thesis, Kuala Lumpur, Universiti Malaya.

## Nota

- <sup>1</sup> Shanthiah Rajagopal is a Ph.D candidate at the Department of History, Faculty of Arts and Social Sciences, University of Malaya, Kuala Lumpur.
- <sup>2</sup> Sila lihat Ramachandra, GP 1970, 'The Independence Movement in Malaya, 1942-1945,' M. A. Thesis, Kuala Lumpur, Universiti Malaya.
- <sup>3</sup> Kratoska, Paul 1998, *The Japanese Occupation of Malaya*, Allen and Unwin, St. Leonards, New South Wales, , hlm. 1-50.
- <sup>4</sup> Lebra, Joyce C 1971, *Jungle Alliance: Japan and the Indian National Army*, Asia Pacific Press, Singapore, hlm. 27.
- <sup>5</sup> Corr, Gerald H. 1975, *The War of the Springing Tiger*, Osprey Publishing Limited, London, hlm. 56
- <sup>6</sup> Pritam Singh berasal dari Nagoke Sarli, daerah Lyallpur (Punjab). Beliau beragama Sikh dan telah datang ke Bangkok pada 11 April 1932 dan menjadi sami di kuil Sikh. Beliau sering mengadakan hubungan dengan golongan revolusioner India Timur Jauh. Beliau telah dilantik sebagai ketua Indian Independent League (IIL) kerana beliau merupakan seorang individu yang mempunyai semangat nasionalisme yang cukup tinggi.
- <sup>7</sup> IIL merupakan badan ketenteraan yang ditubuhkan pada tahun 1934 di Tokyo dengan tujuan untuk memperjuangkan kemerdekaan India.
- <sup>8</sup> Ramachandra, 'The Independence Movement in Malaya, 1942-1945,' hlm. 29.
- <sup>9</sup> INA ditubuhkan pada tahun 1942 untuk bekerjasama dengan Jepun untuk memperjuangkan kemerdekaan India dengan menggunakan orang-orang India di Tanah Melayu di bawah pimpinan Subash Chandra Bose. Ibid., hlm. 29.
- <sup>10</sup> Iwaichi, Lt. General Fujiwara 1983, *F. Kikan*, Akashi Yoji, Heinemann Asia, Hong Kong, hlm. 106.
- <sup>11</sup> Ibid., hlm. 135.
- <sup>12</sup> Ramachandra, 'The Independence Movement in Malaya, 1942-1945,'
- <sup>13</sup> Lebra, *Jungle Alliance: Japan and the Indian National Army*, 1971.
- <sup>14</sup> Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya*, 1998; Harper, Tim 2006, *The Forgotten Armies: The Fall of British Asia, 1941-1945*, Harvard University Press, Cambridge.
- <sup>15</sup> Hayashida, Tatsuo 1970, *Netaji Subhas Chandra Bose*, Allied Publishers, Bombay, hlm. 18.
- <sup>16</sup> Cohen, Stephen P 1971, *The Indian Army*, University of California Press, Berkeley , hlm. 147.
- <sup>17</sup> *The Malay Mail*, 24 Nov. 1945, hlm. 2
- <sup>18</sup> Fujiwara Iwaichi, *F. Kikan*, hlm. 188.
- <sup>19</sup> Dua jenis latihan utama yang diberikan kepada askar-askar INA ialah latihan fizikal dan latihan rohani. Tumpuan lebih diberikan kepada konsep perpaduan, kesetiaan dan pengorbanan. Konsep ini merupakan prinsip IIL iaitu 'unity, faith and sacrifice.' Jeneral Mohan Singh telah berjaya membentuk satu struktur

- pentadbiran yang sistematik bagi memudahkan urusan pentadbiran. Beliau juga telah berjaya membentuk satu sistem pangkat dan bayaran gaji yang lebih adil dan sistematik. Chatterji, Major General A C 1947, *India's Struggle for Freedom*, Chatterjee and Co. Ltd., Calcutta, hlm. 41-42.
- <sup>20</sup> Netaji Centre, 1992, *Netaji Subhas Chandra Bose: A Malaysian Perspective*, Netaji Centre, Kuala Lumpur, hlm. 7.
- <sup>21</sup> Tatsuo Hayashida, *Netaji Subash Chandra Bose*, hlm. 79.
- <sup>22</sup> Giani, Kesar Singh 1947, *Indian Independence Movement in East Asia*, Singh Brother, Lahore, hlm. 60.
- <sup>23</sup> Ibid., hlm. 87.
- <sup>24</sup> Bose, Romen 1993, *A Will For Freedom*, V. J. Times, Singapore, hlm. 18.
- <sup>25</sup> *Netaji Subhas Chandra Bose: A Malaysian Perspective*, 1992, hlm. 184.
- <sup>26</sup> Rash Behari Bose mempunyai hubungan yang rapat dengan Jepun maka timbul perasaan sangsi terhadap beliau. Pegawai-pegawai dan askar-askar INA mula curiga terhadap beliau dan bimbang beliau akan memihak kepada Jepun untuk menakluk India. Beliau dianggap sebagai seorang yang pro Jepun. Oleh yang demikian, satu persidangan telah diadakan pada April 1943. Persidangan ini dihadiri oleh perwakilan dari IIL dan INA untuk melantik bakal pengganti Rash Behari Bose. Kuasa perlantikan ini diserahkan kepada Rash Behari Bose untuk melantik pemimpin yang berkaliber bagi memimpin INA. Chatterji, *India's Struggle for Freedom*, hlm. 51.
- <sup>27</sup> Chatterji, *India's Struggle for Freedom*, hlm. 64.
- <sup>28</sup> Pandit, H N *Netaji Subhas Chandra Bose: From Kabul to Battle of Imphal*, Sterling Publishers Private Limited, New Delhi, 1988, hlm. 134.
- <sup>29</sup> Hyashida, *Netaji Subhas Chandra Bose*, hlm. 3.
- <sup>30</sup> *Malai Sinpo*, 30 Ogos 1943, hlm. 2.
- <sup>31</sup> Walau bagaimanapun, cadangan Subash Chandra Bose tidak dipersetujui oleh Jepun dengan alasan pertambahan ahli akan mewujudkan masalah bekalan senjata yang tidak mencukupi. Subash Chandra Bose tetap dengan pendiriannya untuk membesarkan saiz INA dengan memperkenalkan pasukan sukarelawan INA. Pasukan ini mempunyai ahli seramai 20, 000 orang dan pada tahun 1944 INA telah berjaya mengumpul seramai 40, 000 orang. Das, Hari Hara 1983, *Subash Chandra Bose and the Indian National Movement*, Sterling Publishers Private Limited, New Delhi, hlm. 279.
- <sup>32</sup> Giani, *Indian Independence Movement in East Asia*, hlm. 26.
- <sup>33</sup> Pada 25 Julai 1943, Netaji telah mengadakan lawatan ke Asia Tenggara. Beliau telah mengadakan perjumpaan dengan orang India di sana dan menjelaskan kepentingan sokongan mereka dalam perkembangan INA sebagai satu pasukan tentera. Netaji juga mengadakan perjumpaan dengan ketua kerajaan Burma iaitu Dr. Ma Maw dalam menjayakan 'Operasi Imphal.' Selain kerajaan Burma, beliau turut memerlukan bantuan daripada kerajaan Thailand dalam operasi tersebut. Netaji juga mengadakan lawatan di Bandar-bandar besar di Tanah Melayu yang mempunyai cawangan INA seperti di Pulau Pinang, Ipoh, Kuala Lumpur dan Singapura. Nair, A M 1982, *An Indian Freedom Fighter in Japan*, Orient Longman, Bombay, hlm. 238.
- <sup>34</sup> Hari Hara Das, *Subash Chandra Bose and the Indian National Movement*, hlm. 279.
- <sup>35</sup> *Azad Hind*, 5 Januari 1944, hlm. 1.
- <sup>36</sup> *Malai Sinpo*, 9 Julai 1943, hlm. 1.
- <sup>37</sup> *Malai Sinpo*, 10 Julai 1943, hlm. 1.
- <sup>38</sup> Lebra, *Jungle Alliance*, hlm. 124.
- <sup>39</sup> *Malai Sinpo*, 23 Oktober 1943, hlm. 1.
- <sup>40</sup> Hari Hara Das, *Subhas Chandra Bose and the Indian National Movement*, hlm. 270.
- <sup>41</sup> Giani, *Indian Independence Movement in East Asia*, hlm. 80.
- <sup>42</sup> Bhargaya, Moti Lal 1982, *Netaji Subhas Chandra Bose in South-East Asia and India's Liberation War 1943-45*, Vishwavidya Publishers, New Delhi, hlm. 47.
- <sup>43</sup> Jog, N G, 1969, *In Freedom Quest*, Orient Longmans, New Delhi, hlm. 167.
- <sup>44</sup> *Azad Hind*, 23 Oktober 1943, hlm. 2. Antara mereka adalah Dr. Lakshmi Swaminathan, Janaki Athinahappan, Puan M. K. Sithambaram dan Saraswathy telah menyertai rejimen Jhansi Rani ini ketika berusia 15 tahun.

- <sup>45</sup> Lt. R. Lakshmi Devi Devi Naidu merupakan pegawai tentera yang terlibat dalam kerja-kerja pentadbiran dan merupakan orang kedua terpenting dalam memberi kuasa dalam rejimen Jhansi Rani. Melalui ayahnya S. R. S. Naidu dari Ipoh, beliau telah mendapat gambaran dan kesedaran mengenai Kongress India dan para pemimpinnya seperti Mahatma Ghandi, Jawaharlal Nehru dan Subhas Chandra Bose. Penglibatan ayahnya dalam IIL membolehkan Lt. R. Lakshmi dan ibunya turut serta dalam jabatan wanita rejimen Jhansi Rani. Penyertaan beliau dalam rejimen Jhansi Rani tidak ditentang oleh ibu bapanya. Malah, ibu bapanya telah menghantar adik bongsunya iaitu Rukumani Devi untuk menyertai rejimen ini. Dua orang abang beliau sudah pun menyertai INA pada awal pembentukannya lagi Muthu, P R K. Purachi 1998, *The Rani of Jhansi Regiment of the Indian National Army*, Chennai, hlm. 3.
- <sup>46</sup> Ghosh, K K 1969, *The Indian National Army*, Meenakshi Prakashan, Meerut, hlm. 156.
- <sup>47</sup> Mereka ialah Janaki Thevar, R. Lakshmi Devi, Ponammal, Protima Paul, Jeeva dan Danalakshmi. Sila lihat Gopinath, Aruna 2007, *Footprints on the Sands of Time: Rasammah Bhupalan: A Life of Purpose*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, hlm. 64.
- <sup>48</sup> Perbarisan rejimen Jhansi Rani telah mendapat pujian daripada Netaji. Netaji juga telah mengadakan majlis ‘malam bersama’ untuk merapatkan lagi hubungan antara pegawai. Mereka akan duduk dan makan bersama di dewan makan dan selepas itu mereka akan dipersembahkan dengan aktiviti kebudayaan yang disertai oleh semua orang sebagai satu keluarga. Purachi Muthu, *The Rani of Jhansi Regiment of the Indian National Army*, hlm. 11.
- <sup>49</sup> Seramai lima komander yang terlatih telah dihantar bersama ke Burma. Mereka ialah Janaki Thevar, Ponnambal Navaratnam, Protima Paul, Papathi Devar dan Janaki Bai. *Ibid.*, hlm. 69.
- <sup>50</sup> Purachi Muthu, *The Rani of Jhansi Regiment of the Indian National Army*, hlm. 11.
- <sup>51</sup> *Ibid.*, hlm. 12.
- <sup>52</sup> *Ibid.*, hlm. 13-14.
- <sup>53</sup> *Ibid.*, hlm. 15-16.
- <sup>54</sup> *Ibid.*, hlm. 16
- <sup>55</sup> *Ibid.*, hlm 17.
- <sup>56</sup> Lebra, Joyce C 1971, *Jungle Alliance*, Asia Pacific Press, Singapore, hlm. 136.
- <sup>57</sup> Ghosh, *The Indian National Army*, hlm. 167.
- <sup>58</sup> Chatterji, *Netaji Struggle for Freedom*, hlm. 175.
- <sup>59</sup> *Ibid.*, hlm. 175-176.
- <sup>60</sup> Markandeya, *Subash Chandra Bose-Netaji's Passage to Immortality*, hlm. 228.
- <sup>61</sup> Ghosh, *The Indian National Army*, hlm. 156.
- <sup>62</sup> Markandeya, *Subash Chandra Bose-Netaji's Passage to Immortality*, hlm. 237.
- <sup>63</sup> *Azad Hind*, 21 Disember 1943, hlm. 1.
- <sup>64</sup> Hari Hara Das, *Subash Chandra Bose and The Indian National Movement*, hlm. 290.
- <sup>65</sup> Menurut K. K. Ghosh, tentera INA hanya mempunyai kelebihan dari segi tentera darat sahaja. Tentera British India pula mempunyai kelebihan dari segi tentera udara dan tentera laut. Malah, bilangan askar mereka juga lebih besar daripada INA dan tentera Jepun. K. K. Ghosh, *The Indian National Army*, hlm. 182.
- <sup>66</sup> Corr, *The War of The Springing Tigers*, hlm. 163.
- <sup>67</sup> Ayer, *Unto Him A Witness*, hlm. 143.
- <sup>68</sup> Jog, *In Freedom's Quest*, hlm. 264.
- <sup>69</sup> *Ibid.*, hlm. 266.
- <sup>70</sup> *Tamil Nesan*, 4 Julai 1945, hlm. 1.
- <sup>71</sup> Ayer, *Unto Him A Witness*, hlm.47.
- <sup>72</sup> *Ibid.*, hlm. 51.
- <sup>73</sup> *Ibid.*, hlm. 59.
- <sup>74</sup> *Ibid.*
- <sup>75</sup> Giani, *Indian Independence Movement East Asia*, hlm. 162.
- <sup>76</sup> John A. Thivy merupakan Setiausaha Agung IIL di Asia Timur dan Menteri dalam Kerajaan Azad Hind. Beliau juga merupakan Presiden pertama parti Malayan Indian Congress (MIC) yang ditubuhkan pada Ogos 1946. Beliau telah menjelaskan bahawa tiada tugas yang mustahil bagi mereka yang telah berjaya

menubuhkan sebuah kerajaan yang merdeka (Azad Hind) dan pasukan tenteranya (INA). *Tamil Nesan*, 21 September 1946.

<sup>77</sup> N. Raghavan telah dilantik sebagai Konsul General India di Batavia setelah beliau dibebaskan hasil usaha Kongres Kebangsaan India. *Indian Daily Mail*, 24 Mei 1948.

<sup>78</sup> *Tamil Nesan*, 17 Disember 1945, hlm. 1.